



Rujukan kami: SKCACKK.100-1/5/1(66)
Tarikh: 13 JANUARI 2022

Para ibu bapa / penjaga yang dihormati,

PENGAMBILAN MODUL CATCH-UP PLAN SESI 2021/2022
MAKLUMAN CUTI PERAYAAN DAN CUTI BERGANTI SEKOLAH

Dengan segala hormatnya kami merujuk perkara di atas.

02. Sukacitanya dimaklumkan bahawa sekolah telah menyediakan modul-modul Catch-Up Plan (CUP) untuk membantu dan meningkatkan tahap penguasaan kemahiran murid-murid. Murid-murid yang hadir ke sekolah mengikut PdP secara bersemuka pada minggu ini dan minggu depan akan menerima modul-modul tersebut daripada guru mata pelajaran semasa berada di sekolah.

03. Manakala bagi murid-murid yang tidak dapat hadir ke sekolah atas sebab-sebab yang munasabah, pihak sekolah akan mengedarkan modul-modul CUP mulai hari Sabtu ini (15 Januari 2022). Diminta ibu bapa / penjaga mengambil modul-modul tersebut di pondok pengawal mengikut kesesuaian masa masing-masing. Diharap murid-murid dapat membuat latihan dalam modul dengan bimbingan ibu bapa / penjaga di rumah. Di samping itu, modul-modul CUP ini juga telah dimuatnaik ke dalam Google Classroom. Para ibu bapa / penjaga boleh buat cetakan sendiri sekiranya tidak dapat ambil modul-modul dari sekolah.

04. Untuk makluman semua, dengan menurut perintah KPM, pihak sekolah akan melaksanakan Cuti Perayaan tanpa berganti bertujuan memberi kemudahan kepada semua pihak untuk menyambut perayaan Tahun Baharu Cina pada **31 Januari 2022 (Isnin) dan 03 Februari 2022 (Khamis)**.

05. Selain itu, pihak sekolah juga telah memohon Cuti Berganti untuk masa sehari selepas Tahun Baharu Cina iaitu pada **04 Februari 2022 (Jumaat)**. Oleh yang demikian, sekolah akan bercuti selama 9 hari sempena Tahun Baharu Cina. Berikut adalah Jadual Ringkas Pelaksanaan Cuti Sekolah Sempena Tahun Baharu Cina:

Perayaan	Tarikh Cuti		Jenis Cuti
Tahun Baharu Cina	31/01/2022	(Isnin)	Cuti Perayaan
	01/02/2022	(Selasa)	Cuti Umum
	02/02/2022	(Rabu)	Cuti Umum
	03/02/2022	(Khamis)	Cuti Perayaan
	04/02/2022	(Jumaat)	Cuti Berganti

06. **Kelas ganti akan diadakan pada 12 Februari 2022 (Sabtu).** Murid-murid Prasekolah, Tahun 1, Tahun 2, Tahun 6, semua murid di bawah program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) serta murid Tahun 3, Tahun 4 dan Tahun 5 kumpulan A perlu hadir ke sekolah pada hari tersebut. Jadual waktu hari Jumaat akan dijalankan pada hari tersebut.

Sekian. Harap maklum dan terima kasih.

Selamat Tahun Baharu Cina! “GONG XI FA CAI”!

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KITA JAGA KITA”

Saya yang menjalankan amanah,



MOK SUN FU

Guru Besar
SK (C) Anglo Chinese,
Kota Kinabalu.